



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PROJEK PERINTIS KEMUDAHAN RAWATAN AUTOMOTIF BERLESEN (*AUTHORISED AUTOMOTIVE TREATMENT FACILITY, AATF*) REALISASIKAN KAEDAH PELUPUSAN KENDERAAN YANG LESTARI

2 MAC 2021, PUTRAJAYA - Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air telah melancarkan Projek Perintis Kemudahan Rawatan Automatif Berlesen (*Authorised Automotive Treatment Facility, AATF*) dalam majlis yang diadakan secara maya.

AATF adalah kemudahan yang akan menjalankan peleraian komponen-komponen terutamanya komponen yang mengandungi buangan terjadual dari kenderaan yang telah dibatalkan pendaftarannya oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Komponen-komponen tersebut akan diasingkan bagi tujuan guna semula, kitar semula atau pemerolehan kembali dan pelupusan akhir. Kemudahan ini dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Inisiatif lestari ini diperkenalkan oleh JAS bagi menangani isu kenderaan terbiar dan ditinggalkan yang semakin mendapat perhatian masyarakat kerana ia dilihat berpotensi menyebabkan pencemaran alam sekitar sekiranya tidak diuruskan dengan sempurna.

Berdasarkan aduan yang diterima Biro Pengaduan Awam (BPA) berkaitan masalah kenderaan terbiar ini, sejumlah 15,019 kes telah direkodkan bagi tempoh 2014 hingga 2017. Manakala peningkatan jumlah kenderaan berdaftar juga telah menyumbang kepada peningkatan kenderaan-kenderaan terbiar di dalam negara.

Pada tahun 2019, berdasarkan maklumat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), terdapat sekurang-kurangnya 60,000 kenderaan terbiar di seluruh negara. Faktor berlakunya masalah ini adalah kenderaan yang telah uzur, kesukaran mendapat alat ganti dan pemilik kenderaan kurang arif mengenai proses pelupusan kenderaan ini.

UNTUK SIARAN SEGERA

Kenderaan terbiar ini mengandungi bahan buangan terjadual seperti bateri asid plumbum, bateri litium, komponen elektronik, pad *brake* asbestos, minyak enjin terpakai, cecair penyejuk enjin dan sebagainya yang perlu diuruskan dengan baik untuk memastikan kelestarian alam sekitar. Semua bahan buangan ini perlu diuruskan dan dilupuskan dengan baik di kemudahan yang dilesenkan oleh JAS. Isu ini sekiranya tidak ditangani dengan baik dijangka akan terus menimbulkan masalah kerana bilangan kenderaan bermotor di dalam negara meningkat pada setiap tahun.

Sehingga kini, sebanyak lapan (8) buah syarikat telah dikenalpasti untuk menjayakan projek perintis ini dan dengan adanya kemudahan rawatan automotif berlesen yang sedia ada ini dapat menjadi penanda aras (*benchmark*) kepada pembangunan kemudahan rawatan automotif berlesen lain yang akan datang.

Usaha ini juga akan memangkinkan penerapan aspek-aspek teknologi hijau bagi memacu pembangunan rendah karbon di negara ini. Ia adalah selaras dengan Dasar Automatif Nasional 2020 bahawa dengan peningkatan lebih banyak kilang-kilang pembuatan dan pemasangan kenderaan di dalam negara pada masa hadapan.

Saya percaya bahawa inisiatif JAS ini membuka peluang ke arah pelaksanaan konsep kitaran ekonomi yang mana AATF juga merupakan satu input penting di dalam pendekatan *waste to wealth* melalui aktiviti kitar semula (*recycle*), guna semula (*reuse*) dan pemerolehan kembali (*recovery*) daripada industri ini.

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada *Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute* (MARii) atas kerjasama untuk membangunkan Projek Perintis AATF ini.

-TAMAT-

NORLIN JAAFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Putrajaya

Dikeluarkan pada 2 Mac 2021